

BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL



PERPUSTAKAAN UNISEL DISANITASI

- muka 1

BICARA PUSTAKAWAN: Kelebihan dan kekurangan koleksi bahan digital

- muka 2

Online class or physical class ?

- muka 4

Pembuka Bicara

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pada keluaran kali ke-3 (Mei - Jun 2021), Perpustakaan UNISEL kekal dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan secara atas talian. Sambutan Hari Raya Aidilfitri di perpustakaan hanya sekadar hiasan ringkas di dalam bangunan perpustakaan demi menaikkan semangat menyambut Hari Raya walaupun kita masih di dalam SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Selain itu, seluruh bangunan Perpustakaan UNISEL juga telah di sanitasi oleh Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) demi menjaga keselamatan staf perpustakaan dan para pengguna perpustakaan. Pada **6 Jun 2021**, adalah tarikh keramat buat semua Pustakawan di Malaysia kerana pada tarikh tersebut adalah Hari Pustakawan Malaysia. Bersempena dengan itu, pada keluaran kali ini, terdapat ruangan penulisan yang baru iaitu ruangan 'Bicara Pustakawan'.

Ruangan ini membincangkan tentang perkara, isu semasa, maklumat atau apa-apa yang berkaitan dengan perpustakaan dan bidang kepustakawanan itu sendiri.

Pada **13 Mei 2021**, adalah hari kita menyambut Hari Raya Aidilfitri walaupun raya pada tahun ini kita menyambut dengan cara yang berbeza. Pihak Buletin Perpustakaan UNISEL mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin. Sambutlah hari raya ini dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran serta berdoalah mudah-mudahan pandemik Covid-19 segera berakhir dengan aman.

Salam hormat,

ZAIRIL AZWAN OSMAN

Editor

zairil@unisel.edu.my

Sidang Pengarang

PENASIHAT

Hafiz Abdul Rahim

EDITOR & PEREKA GRAFIK

Zairil Azwan Osman

PENULIS & JURUFOTO

Pustakawan
Perpustakaan UNISEL

PENGEDARAN

Norliza Abd Hamid

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL

Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-55223596
Emel: zairil@unisel.edu.my

Isi Kandungan

- Perpustakaan UNISEL disanitasi **1**
- BICARA PUSTAKAWAN: Kelebihan dan kekurangan koleksi bahan digital **2**
- Online class or physical class **4**
- Program Literasi Maklumat **6**
- Aktiviti Perpustakaan UNISEL **8**
- Album Pelawat & Lawatan **9**
- Ulasan buku **11**



PERPUSTAKAAN UNISEL DISANITASI

Seperti sedia maklum, negara kita sedang menghadapi pandemik Covid-19. Universiti Selangor (UNISEL) telah mengambil inisiatif untuk sanitasi keseluruhan premis universiti termasuklah Perpustakaan UNISEL. Pada tanggal **21 Mei 2021**, kerja-kerja sanitasi bangunan Perpustakaan UNISEL telah dijalankan. Sanitasi ini dijayakan oleh Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA). Seramai 2 orang staf Unit OSHA yang terlibat dalam proses sanitasi bangunan perpustakaan yang diketuai oleh Encik Mohd Faizal bin Ghazali.

Kerja-kerja sanitasi bermula pada jam 3.00 petang meliputi beberapa kawasan yang penting di dalam bangunan perpustakaan antaranya laluan pintu masuk utama, kaunter utama sirkulasi, pejabat pentadbiran, pejabat pemprosesan buku (Unit Katalog), ruangan bilik loker, tandas, lif, laluan tangga, *cyberway*, rak buku dan ruangan bacaan.

Pada masa kerja-kerja sanitasi dilakukan, pihak perpustakaan masih lagi tidak membenarkan kepada pengguna untuk masuk ke perpustakaan demi menjaga keselamatan dari tersebarnya wabak Covid-19.

Pada masa akan datang apabila Perpustakaan UNISEL boleh beroperasi seperti biasa, kerja-kerja sanitasi bangunan perpustakaan akan dilakukan dengan lebih kerap demi menjamin keselamatan para pengguna perpustakaan dan juga menghentikan rantai jangkitan Covid-19. Pengguna juga digalakkan membawa *hand sanitizer* sendiri dan mengamalkan penjarakan fizikal apabila berada di dalam perpustakaan serta mengikuti SOP yang telah ditetapkan oleh pihak perpustakaan.



BICARA PUSTAKAWAN



Sumber: Felipeelaquim / Unsplash



Sumber: Austin Distel / Unsplash

KELEBIHAN DAN KEKURANGAN KOLEKSI BAHAN DIGITAL

Oleh: Zairil Azwan Osman | Pustakawan UNISEL

Pada zaman sekarang teknologi sudah semakin canggih. Hampir keseluruhan aspek dalam kehidupan sudah beralih dari bentuk konvensional ke arah bentuk digital dan tidak terkecuali adalah koleksi buku. Zaman sekarang, boleh dikatakan setiap perpustakaan mempunyai banyak buku dalam bentuk digital atau yang biasa disebut *ebook* (buku elektronik). Dengan terciptanya *ebook*, kemudahan untuk mengakses adalah menjadi fokus utama dalam sesebuah perkembangan teknologi. Dengan perkembangan teknologi ini, ia dapat memberi banyak kelebihan kepada masyarakat untuk mengakses *ebook* tersebut, namun apabila diteliti secara mendalam, terdapat juga kekurangan di dalam teknologi *ebook*. Berikut adalah kelebihan dan kekurangan koleksi bahan digital.

Kelebihan koleksi bahan digital

Antara kelebihan bahan digital ataupun *ebook*, ia sangat praktikal untuk dibawa ke mana saja, tidak kira berapa pun kuantitinya kerana boleh diakses menggunakan peranti. Dengan kelebihan ini, ia sangat sesuai untuk dipraktikkan oleh para pelajar sama ada untuk pembelajaran atau membuat kerja kursus secara individu mahupun berkumpulan. Peranti yang boleh mengakses *ebook* antaranya telefon pintar dan komputer riba.

Peranti-peranti ini adalah peranti yang sudah menjadi keperluan utama dalam kehidupan seharian masyarakat. Secara tidak langsung, masyarakat boleh membaca tidak kira masa dan tempat jika ada kesempatan. Sebagai contoh, untuk membaca *ebook* melalui telefon pintar tidak memerlukan pencahayaan dari lampu, hanya membaca melalui skrin sahaja. Secara tidak langsung dapatlah kita menjimatkan penggunaan tenaga elektrik.

Kelebihan lain bahan digital adalah kita tidak perlu untuk membeli bahan itu dengan kos yang tinggi seperti membeli bahan bercetak contohnya buku, jurnal, majalah, dan surat khabar. Kini, terdapat lambakan bahan digital yang kita boleh diperolehi di internet secara percuma atau pun secara pembelian atau langganan. Kos pembelian atau langganan *ebook* pon tidaklah semahal membeli bahan bercetak. Selain itu, kelebihan koleksi bahan digital tidak memerlukan ruang fizikal yang luas untuk penyimpanannya seperti bahan bercetak. Bahan digital boleh di simpan di dalam peranti atau secara atas talian dan tidak mempunyai had untuk menyimpan selagi terdapat ruang memori di dalam peranti kita.

Kekurangan koleksi bahan digital

Setiap teknologi yang tercipta, pastinya mempunyai kekurangan pada awal kemunculannya. Antara kekurangan bahan digital adalah, ia memerlukan peranti atau medium untuk membolehkan kita mengakses dan membaca seperti telefon pintar, tablet dan komputer riba. Seperti sedia maklum, harga sesuatu peranti itu boleh dikatakan mahal dan tidak semua golongan mampu membeli. Untuk mengakses bahan digital juga memerlukan sambungan jaringan internet yang stabil. Oleh yang demikian, golongan yang boleh mengakses dengan mudah adalah yang menetap di bandar. Golongan yang menetap di luar bandar atau di pedalaman akan menghadapi kesukaran untuk mengakses.



Sumber: Thought Catalog / Unsplash

Oleh kerana untuk mengakses bahan digital memerlukan sambungan jaringan internet, maka dalam pada masa yang sama kos langganan jaringan internet juga perlu kita tanggung. Ini mungkin akan menjadi penghalang kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk merasai pengalaman teknologi ini. Selain daripada itu, mungkin terdapat golongan pembaca yang beranggapan apabila membaca koleksi bahan digital, akan mengurangkan rasa kepuasan dan keseronokan dalam membaca. Kekurangan lain adalah apabila kita membaca melalui peranti elektronik terlalu lama, ia boleh menyebabkan penglihatan kita rosak. Ini disebabkan oleh cahaya dari peranti ini memancar terus ke arah mata kita dengan jarak yang dekat.

Di era moden yang mana teknologi semakin berkembang dengan pesat, teknologi tidak dapat dipisahkan dari kehidupan masyarakat di mana ianya semakin menjadi keperluan seharian. Teknologi bahan digital adalah sangat bagus untuk kita terapkan kepada semua golongan di negara kita terutamanya kepada golongan muda supaya budaya membaca itu menjadi sebatik dalam diri mereka. Tetapi segala kemudahan dan keperluan untuk mengakses bahan digital juga perlu disediakan seperti sambungan jaringan internet yang stabil di setiap kawasan terutamanya kawasan di luar bandar. Selain itu, harga peranti elektronik juga perlu kompetitif dan mampu milik supaya golongan berpendapatan sederhana dan rendah mampu membeli dan menikmati pembacaan bahan digital serta mengelakkan mereka ketinggalan zaman di era permodenan teknologi yang semakin berkembang.





Photo by Wes Hicks on Unsplash

ONLINE CLASS OR PHYSICAL CLASS?

by **Nur-Ileana Hani Roslidali**

Many students are going through online classes as the world is fighting against the Covid-19 pandemic. As the cases slowly decrease, the ministry has given permission for universities to resume classes as normal. However, Covid-19 cases are rising again and the ministry made the decision that students who have very bad Internet connection or need to use facilities such as laboratories are allowed to go back to their respective universities. Due to this decision, some students are allowed to go back to their university while some are attending classes online.

As time pass, students have already gotten used to online classes and enjoy being at home more than being at campus. But there are students who still find that physical class is better than online class. These debates have been going on and off on the internet and many have their opinions on this matter. Before we could make a conclusion, let's understand what online and physical class is.

Online class is classes that are conducted on the Internet on platforms such as Google Meet and Zoom. On the other hand, physical class is the traditional classroom setting where students attend classes in a classroom. Each of these types of classes has their advantages and disadvantages.

• Flexibility

For flexibility, online classes hold the advantage. This is because for online classes, students can learn anytime of the day without worrying of being late to class or transportation issues. All the students have to do is prepare their laptops and just wait for the lecturer to give them their class links or tasks. However, for physical classes, students have to worry about transportation to class and also arriving to class on time. Especially during morning classes, students have to wake up early to get ready for class, and then they have to think about arriving to class before it starts. Due to this, online classes are more flexible than physical classes.

• Social Interaction

In terms of social interaction, physical classes have the upper hand because it is easier to interact with friends and lecturers because you can read their body language as well as meet face-to-face. Even though in online classes there is interaction between the students and the educator, however it is hard to read each other's body language. For example, if someone wants to ask a question in class, the student raises his or her hand so that the lecturer knows. However in online classes, if someone wants to ask a question, they have to speak and sometimes clash with other students who want to ask questions also. This causes some confusion to the educator and the students' questions might not be answered. With this, physical classes have better social interaction than online classes.



Photo by Nick Morrison on Unsplash

All in all, there is no exact answer on which class is better than the other because each student has their own preference and learning style. Some learning styles are better learned in a physical classroom while some learning styles are better used in online classes. It all depends on how the student adapts to each classroom setting. So don't worry! There's no wrong answer in choosing which learning style is best for you as long you can gain knowledge and understand what is taught in class.



Photo by Shubham Sharan on Unsplash

References

Dani, V. (30 January 2019). Is online education better than traditional education. Retrieved from <https://kitaboo.com/is-online-education-better-than-traditional-education/>

De, B. (4 February 2018). Traditional learning vs. online learning. Retrieved from <https://elearningindustry.com/traditional-learning-vs-online-learning>

Erstad, W. (16 August 2017). Online vs. traditional education: What you need to know. Retrieved from <https://www.rasmussen.edu/student-experience/college-life/online-vs-traditional-education-answer-never-expected/>

Online classes vs. traditional classes: Which is right for you. (n. d.). Retrieved from <https://www.goodwin.edu/enews/online-classes-vs-traditional-classes/>



Program Literasi Maklumat

21 MEI 2021

Program Literasi Maklumat, modul Rujukan dan Citation Menggunakan Format APA dan program ini adalah terbuka kepada semua pelajar Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial (FESS). Sesi ini dikendalikan oleh Puan Nur Adna binti Roduan menggunakan platform Zoom.

unisel
 UNIVERSITI SELANGOR

unisel fess
 Faculty of Education and Social Sciences

**"BENGKEL
 RUJUKAN DAN CITATION
 MENGGUNAKAN FORMAT APA"**

TERBUKA UNTUK SEMUA PELAJAR
 FAKULTI PENDIDIKAN DAN SAINS SOSIAL
 oleh
PN. NUR ADNA BINTI RODUAN
 PUSTAKAWAN
 UNIT PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN & MAKLUMAT
 UNISEL BESTARI JAYA

21 MEI 2021 (JUMAAT)
9.30 PAGI – 12.00 TGHARI
<https://zoom.us/j/96277782741>

**SIJIL PENYERTAAN
 DISEDIAKAN!**

IESAD
unisel
 UNIVERSITI SELANGOR
 Leader of Transformation
unisel library

**Interactive Workshop
 For Using Online Database &
 Free Access Collection**

Date: 22 May 2021
Time: 11 am
Platform: Google Meet


INSTRUCTOR:
 Mr Zairil Azwan Osman
 UNISEL Librarian

**OPEN FOR MASTER OF
 POLITICAL SCIENCE &
 POSTGRADUATE STUDENTS**

Registration

Contact for enquiry:
 Ng Ming Yip (PCC Master of Political Science)
 012-7085172



Jointly organised by:
 Institute of Electoral Studies & Advancement of Democracy (IESAD)
 &
 UNISEL Library



22 MEI 2021



Program Literasi Maklumat, modul *Using Online Database & Free Access Collection* yang disertai oleh 18 orang peserta. Program ini adalah hasil kerjasama Perpustakaan UNISEL dan *Institute of Electoral Studies & Advancement of Democracy (IESAD)*. Sesi ini dikendalikan oleh Encik Zairil Azwan bin Osman menggunakan platform *Google Meet*. Bengkel turut diserikan dengan kehadiran Prof. Madya Dr. Hamdan bin Dato' Mohd Salleh, Timbalan Naib Canselor Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti yang turut memberi ucapan sebelum program berlangsung.

Program Literasi Maklumat





29 MEI 2021

Program Literasi Maklumat, modul *Workshop on Citing and Referencing Information Using APA style* yang disertai oleh 15 orang peserta. Program ini adalah hasil kerjasama Perpustakaan UNISEL dan *Institute of Electoral Studies & Advancement of Democracy (IESAD)*. Sesi ini dikendalikan oleh Puan Nur Adna binti Roduan menggunakan platform *Google Meet*. Bengkel turut diserikan dengan kehadiran Prof. Madya Dr. Hamdan bin Dato' Mohd Salleh, Timbalan Naib Canselor Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti yang turut memberi ucapan sebelum program berlangsung.



Aktiviti Perpustakaan UNISEL



04 MEI 2021

Aktiviti menghias Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri 2021.

04 MEI 2021

Kerja-kerja naik taraf iaitu tranformasi dari *Chill-Out Rooms* kepada *Learning Commons* telah mula dijalankan.



07 MEI 2021

Pameran Bertema : Hari Raya Aidilfitri 2021

Album Pelawat & Lawatan



18 MEI 2021

Kunjungan pihak Hal Ehwal Pelajar UNISEL (HEP) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Hamdan bin Dato' Mohd Salleh, Timbalan Naib Canselor Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti ke Perpustakaan bagi membincangkan beberapa usaha sama dan cadangan dalam usaha menyediakan kemudahan dan perkhidmatan dalam kampus.



02 JUN 2021

Lawatan Penilaian Pindah Premis Secara Virtual Audit (MQAV) Program Master of Information Technology.

Album Pelawat & Lawatan



02 JUN 2021


Lawatan Penilaian Penuh Secara Virtual Audit (MQAV) Program Bachelor of Business Administration.

17 JUN 2021

Kunjungan Kapten Bersekutu (PA) Adzrin Bin Adam ke Perpustakaan UNISEL Bestari Jaya bagi membincangkan kolaborasi aktiviti dan program Seni Sastera bersama Puan Raudah binti Rajab, Pustakawan



Ulasan Buku




- **Judul** | **Accounting Information Systems**
- **Penulis** | **James A. Hall**
- **ISBN** | **9781337619202**
- **No. Panggilan** | **HF5679 H53 2019**
- **Lokasi** | **Tingkat 1, Shah Alam**
- **Tahun terbitan** | **2019**
- **Edisi** | **10th**

The tenth edition of Accounting information systems (AIS) includes a range of new and revised homework assignment and up-to-date content changes, as well as several reorganized chapters. All of these changes add up to more student and instructor enhancements than ever before. This textbook covers a full range of AIS topics to provides instructors with flexibility in setting the direction and intensity of their courses. The topics of this book are presented from the perspectives of the manager's and accountant's AIS-related responsibilities under the Sarbanes-Oxley Act. This edition effective text for general business, industrial engineering, and computer science student who seek a thorough understanding of AIS and internal control issues as part of their professional education.




- **Judul** | **Light: Science & Magic: An Introduction to Photographic Lighting**
- **Penulis** | **Fil Hunter, Steven Biver & Paul Fuqua**
- **ISBN** | **9780415719407**
- **No. Panggilan** | **TR590 H85 2019**
- **Lokasi** | **Tingkat 2, Bestari Jaya**
- **Tahun terbitan** | **2016**
- **Edisi** | **5th**

Light: Science & Magic: An Introduction to Photographic Lighting provides you with a comprehensive theory of the nature and principles of light, with examples and instructions for practical application. Featuring photographs, diagrams, and step-by-step instructions. This book speaks to photographers of varying levels. It provides invaluable information on how to light the most difficult subjects, such as surface, metal, glass, liquids, extremes (black-on-black and white-on-white), and portraits. This new edition includes over 100 new photographs and informational sidebars.



- **Judul** | **Human Resource Management**
- **Penulis** | **Gary Dessler**
- **ISBN** | **9780134235455**
- **No. Panggilan** | **HF5549 D47 2017**
- **Lokasi** | **Tingkat 1, Shah Alam**
- **Tahun terbitan** | **2017**
- **Edisi** | **15th**

Human Resources Management, 15th edition, provides students in human resources management courses and practicing managers with a full and practical introduction to modern human resource management concepts and techniques in a highly readable form. With employers increasingly shifting HR tasks to managers and employees. Human resources managers can refocus their effort from day-to-day activities like interviewing candidates to broader, strategic effort, such as formulating plans for boosting employee performance and engagement.



- **Judul** | **Safety, Nutrition, & Health in Early Education**
- **Penulis** | **Cathie Robertson**
- **ISBN** | **9781305088900**
- **No. Panggilan** | **LB3409 U5 R33 2016**
- **Lokasi** | **Tingkat 1, Bestari Jaya**
- **Tahun terbitan** | **2016**
- **Edisi** | **-**

Safety, Nutrition, and Health in Early Education includes vital information for those who work with children from newborn through age eight and addresses the challenges they may encounter in today's diverse world. This text focuses on the healthy development of children in regard to safety, nutrition, and health in early childhood education setting. The audience for this text includes students of child development or early childhood education who are or are preparing to be teachers, paraprofessionals, nannies, family home child care providers, or workers in other jobs that directly relate to young children. This book is divided into five section: introduction, safety, nutrition, health, and current issues in early childhood education.

SELAMAT HARI

PUSTAKAWAN

MALAYSIA

"Thriving for The Nation"



06 JUN 2021


<http://library.unisel.edu.my>

unisel  library



BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL



Soalan Lazim PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN UNISEL SEPANJANG TEMPOH PKP*

Soalan Lazim Peminjaman Buku

Apakah proses peminjaman buku semasa tempoh PKP?

Permohonan **peminjaman*** buku secara atas talian dan penghantaran buku melalui perkhidmatan pos boleh dibuat melalui link <https://rb.gy/jrbwzW>
(Maklumat lanjut berkaitan perkhidmatan ini boleh dirujuk di <http://library.unisel.edu.my/web/guest/returning-borrowing>)

*Tertakluk kepada terma dan syarat.

Bagaimana untuk saya memulangkan buku?

Soalan Lazim Pemulangan Buku

Pemulangan buku Perpustakaan kini lebih mudah dengan adanya **Perkhidmatan Pemulangan Buku Melalui Pos**. Perkhidmatan ini boleh dipohon melalui link <https://rb.gy/jykb7i>.
(Maklumat lanjut berkaitan perkhidmatan ini boleh dirujuk di <http://library.unisel.edu.my/web/guest/returning-borrowing>)

Soalan Lazim Denda Pemulangan Lewat

Buku yang saya pinjam telah tamat tempoh peminjaman. Adakah saya akan dikenakan denda?

Denda lewat pemulangan akan dikenakan bagi buku yang telah tamat tempoh pinjaman. Untuk mengelakkan dikenakan denda lewat pemulangan, peminjam hendaklah:-
✓ Melanjutkan tempoh pinjaman buku (**renew**) melalui laman web Perpustakaan
✓ Memulangkan buku melalui perkhidmatan **pos**
(Rujuk <http://library.unisel.edu.my/web/guest/overdue-fines> untuk maklumat lanjut).

Soalan Lazim Akses ke Perpustakaan Digital UNISEL

Bagaimana untuk saya akses ke Perpustakaan Digital UNISEL?

Perpustakaan Digital UNISEL boleh diakses melalui <http://library.unisel.edu.my>

Soalan Lazim Koleksi dan Perkhidmatan Digital Perpustakaan UNISEL

Apakah koleksi & perkhidmatan digital yang disediakan oleh Perpustakaan UNISEL?

- Koleksi Sumber Elektronik** (e-resources) yang dilanggan iaitu Emerald Publishing dan Academic OneFile. Akses melalui:
 - akses luar kampus: <https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>
 - akses dalam kampus: <http://library.unisel.edu.my/web/guest/mylibrary>
- Koleksi Akses Terbuka** (Open Access Collection): <http://library.unisel.edu.my/web/guest/free-access>
- eDocument** iaitu Koleksi Kertas Soalan Peperiksaan Lepas atas talian dan Koleksi Tesis dan Disertasi (*title page*, abstrak dan isi kandungan sahaja) atas talian: <http://library.unisel.edu.my/web/guest/mylibrary>
- WebOPAC** iaitu katalog atas talian Perpustakaan untuk pencarian buku fizikal serta e-buku: <http://library.unisel.edu.my/web/guest/mylibrary>

Soalan Lazim Program Literasi Maklumat Perpustakaan

Adakah Perpustakaan menawarkan Program Literasi Maklumat Perpustakaan secara atas talian?

Ya! Semua Program Literasi Maklumat Perpustakaan dijalankan **secara atas talian**. Untuk maklumat lanjut, layari <http://library.unisel.edu.my/web/guest/user-education-programmes>